

MALAYSIA KE ERA KEMAJUAN

W 16/7/88

KUALA LUMPUR: Kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai ketua kerajaan selama tujuh tahun merupakan bukti kecemerlangan beliau dalam mengendalikan urusan pentadbiran negara hingga meletakkan nama Malaysia sebagai salah sebuah negara membangun yang terkemuka di dunia.

Walaupun sepanjang pemerintahannya berlaku beberapa masalah, baik daripada segi politik, mahupun ekonomi dan sosial, namun kewibawaan beliau mengatasi masalah yang berlaku menyebabkan keadaan negara tenteram dan damai.

Sebaik saja menjawat jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terpaksa berhadapan dengan masalah ekonomi yang meruncing ekoran kejatuhan harga barangan utama di luar negeri yang begitu mendadak sekali.

Selain itu tidak terkecuali juga beliau terpaksa berhadapan dengan tindak-tanduk negara maju di barat yang mengeksploitasi pasaran perdagangan bebas hingga menyebabkan negara membangun, termasuk Malaysia menghadapi masalahnya.

Bagaimanapun, dengan dasar ekonomi yang terancang di samping langkah penjimatan kerajaan di segi perbelanjaannya menyebabkan ekonomi negara kembali stabil pada hari ini, dan harga barangan komoditi utama negara meningkat di pasaran antarabangsa.

Selain masalah ekonomi, pergolakan politik yang agak 'hangat' di negara ini semenjak beberapa tahun lalu berjaya diredakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hasil daripada tindakan cemerlang beliau di samping bekerjasama erat daripada teman-temannya yang mendukung kerajaan dan parti UMNO (baru).

Segalanya ini membuktikan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir merupakan tokoh terbilang dan sebuah negara bernama Malaysia tentunya herbangga memiliki seorang pemimpin yang berwibawa dan sentiasa tenang ketika menghadapi pelbagai dugaan demi dugaan sepanjang karier politik beliau.

"Hasil daripada kejayaannya yang lalu, jelas menunjukkan Datuk Seri Dr. Mahathir adalah tokoh terbilang negara," ujar Ahli Parlimen Lembah Pantai, Razak Samah.

Katanya, kejayaan Ma-

laysia meneroka bidang industri berat adalah hasil pemerintahan dinamik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Pelbagai projek jangka panjang telah dilakukan oleh beliau, umpamanya pembinaan Jambatan Pulau Pinang dan kereta nasional Proton Saga. Projek-projek seperti ini adalah untuk jangka panjang yang menguntungkan rakyat Malaysia. Dengan yang demikian jelaslah bahawa Perdana Menteri adalah pemimpin yang memandang jauh ke hadapan," ujarnya.

Tambahnya, kalau selama ini negara lain boleh melakukan sesuatu kemajuan yang pesat, maka kita juga boleh melakukannya. Ini menunjukkan bahawa pencapaian negara di bawah pentadbiran beliau adalah

menggalakkan sekali.

Hal ini juga turut diakui oleh Ahli Parlimen Jerai, Ghazali Ahmad yang menyifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang sentiasa memerhatikan nasib bangsa Malaysia.

"Apa yang jelasnya, Perdana Menteri sentiasa memerhatikan perhatian kepada golongan bawahan, umpamanya nelayan dan petani, hinggan segala projek pembangunan ditumpukan kepada mereka," ujarnya.

Katanya, tanpa penumpuan yang lebih, sudah tentu kalangan rakyat yang berada di luar bandar menghadapi masalah yang besar terutamanya ketika ancaman kemeseletan ekonomi dunia sekarang.

"Apa yang dilakukan

oleh Perdana Menteri jelas menunjukkan beliau menyedari bahawa ekonomi bangsa Melayu perlu dipertingkatkan demi menjamin masa depan mereka," tambahnya.

Beliau berharap dasar cemerlang yang dilaksanakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir itu dikekalkan agar matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan dapat dicapai.

"Sebagai pemimpin rakyat, Datuk Seri Dr. Mahathir haruslah meneruskan dasar pentadbirannya yang tegas demi menyahut harapan rakyat," ujarnya.

Selain itu, beliau juga berharap usaha penerapan nilai Islam di negara ini juga terus dipertingkatkan memandangkan agama adalah penting untuk bangsa Malaysia yang bakal melangkah

ke era 90-an tak lama lagi.

Sementara itu, seorang tokoh pembangkang, Hu Sepang, Ahli Parlimen Rasah, menyifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai tokoh pembangunan yang perlu dihormati.

"Daripada apa yang dilakukannya jelaslah Perdana Menteri mahukan evolusi material dan mental rakyat supaya selaras dengan kehendak pembangunan negara," ujarnya.

Tambahnya, mungkin kerana skop pemerintahannya menyebabkan rakyat menganggapnya keterlaluan lalu membuat beberapa andaian dan bantahan.

"Tentangan, halangan dan fitnah telah mengiringi pembaharuan yang dibawakannya. Begitu juga dengan dasar liberalismanya hingga mencetuskan peristiwa Oktober 1987, Pindaan Perlembagaan, Tribunal, Akta Rahsia Rasmi, Dasar Pandang ke Timur, pengangguran siswazah dan sebagainya," ujarnya.

Beliau menganggap proses pembangunan di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir terlalu pantas hingga kadangkala tidak terdaya dikejar oleh rakyat yang berbagai tingkat pencapaiannya.

Bagaimanapun tokoh DAP ini juga berharap Perdana Menteri haruslah mempertimbangkan semula beberapa tindakannya sejak akhir-akhir ini, terutamanya yang melibatkan kepentingan semua masyarakat di negara ini.